

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HSA 101 – PENGANTAR SEJARAH**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada bahagian A, dan DUA soalan daripada bahagian B.

Bahagian A

1. "Sesungguhnya Herodotuslah orang yang paling layak dianggap sebagai Bapa Sejarah." Bincangkan.
2. "Kritikan dan penafsiran sumber amat menentukan nilai hasil penulis sejarah." Bincang dan buktikan dengan contoh-contoh yang sesuai.
3. "Sejarah adalah suatu bidang yang bersifat ilmiah." Nilaikan pernyataan di atas dengan merujuk kepada pandangan ahli sejarah.
4. Bincangkan sejauh manakah Ranke berjaya menggambarkan masa lalu seperti sebenarnya berlaku dalam penulisannya?

Bahagian B

5. "Sejarah seperti dipandang oleh orang Melayu adalah percampuran kebenaran dan legenda, khayalan dan kenyataan, hiburan dan pengajaran." (J. C. Bottoms).

Dengan merujuk kepada pandangan di atas, bincangkan sejauh manakah *Sejarah Melayu* dapat dijadikan sebagai sumber sejarah?

6. Bincangkan pemikiran Munshi Abdullah sehingga beliau dituduh sebagai tali barut penjajah.
7. Sejauh manakah Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu berpunca daripada ketokohan Haji Abdul Rahman Limpong?
8. "Ibrahim Yaacob adalah orang pertama yang menulis sejarah politik moden Melayu." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?